



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915556
Faks : 03-88915557
Kawat : "MINRUMAH"
Portal : www.kpkt.gov.my
E-mel : pro@kpkt.gov.my
Twitter : www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook : www.facebook.com/KPKTMalaysia

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.42 ()

Tarikh : 26 Februari 2014

SIARAN MEDIA

Landskap Mampan Bandar Sejahtera

Kota Kinabalu, 3 Mac 2014 - Sambutan Hari Landskap 2014 bertemakan Landskap Mampan Bandar Sejahtera dirasmikan Ketua Menteri Sabah Y.A.B Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman pada pagi ini. Y.B. Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengiringi Y.A.B. Ketua Menteri di majlis ini.

2. Tema yang dipilih bagi acara tahunan ini membawa maksud :

- landskap perbandaran yang berkualiti serta bersistematik dalam mengintegrasikan karakter landskap yang berharmoni dengan persekitaran semulajadi bagi mewujudkan bandar yang sejahtera
- ia menggerakkan aktiviti perlandskap di kalangan rakyat seluruh negara bagi mencapai hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah (NTT) menjelang tahun 2020
- mempertingkatkan kesedaran dan penglibatan setiap lapisan masyarakat terhadap tumbuhan-tumbuhan dan landskap dalam arus pembangunan bandar

3. Pewujudan bandar sejahtera melalui landskap dapat dipupuk dengan mencintai persekitaran yang indah dan bersih. Jika masyarakat tidak menghargai keindahan persekitaran dan tidak berbangga dengan keperluan landskap di kawasan bandar, konsep bagi mewujudkan bandar sejahtera melalui landskap ini tidak akan dapat dilakukan.

4. Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Landskap Negara menggalakkan setiap taman yang dibina di kawasan bandar mahupun di tempat awam yang lain menitik beratkan konsep landskap yang harmoni bagi mewujudkan lebih banyak taman-taman rekreasi.

5. Sambutan HLN2014 akan disambut selama 3 hari bermula pada 1hb hingga 3hb Mac dengan pelbagai aktiviti yang berkonsepkan landskap seperti berikut:

- Majlis Pelancaran Rakan Taman Awam Teluk Likas. Kumpulan ini akan mengerakkan acara gotong royong aktiviti membersihkan kawasan taman secara sukarela.
- acara menanam pokok juga akan dijalankan lanjutan daripada Kempen Menanam Pokok Seluruh Negara.
- senamrobik
- pelbagai pertandingan yang berkonsepkan landskap seperti pertandingan mewarna dan melukis untuk kanak-kanak,
- gubahan bunga
- pertandingan fotografi
- pertandingan melakar mural dimana yang akan mencuri tumpuan pengunjung
- pameran oleh badan-badan kerajaan serta aktiviti jualan produk-produk landskap.

6. 3 Mac ini dipilih sebagai Hari Landskap Negara adalah rentetan daripada pelancaran Program Kempen Tanam Pokok Seluruh Negara pada 3 Mac 1997. Kerajaan melalui Jabatan Landskap Negara telah mengisytiharkan 3 Mac setiap tahun sebagai Hari Landskap Negara sejak 1998.

7. Sambutan HLN 2014 ini dijayakan Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Landskap Negara dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, sekolah dan swasta pada pagi ni turut diserikan dengan kehadiran Ketua Setiausaha KPKT, pegawai kanan KPKT, pegawai kanan Kerajaan Negeri Sabah, pihak swasta dan pemimpin masyarakat tempatan.

-Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat sembilan 9) Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Jabatan Landskap Landskap Negara, Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, Institut Latihan Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my